

25/06/1997

Malaysia, Hungary manfaatkan kerjasama

BUDAPEST, Selasa - Kedudukan Malaysia sebagai pintu masuk ke Asia Tenggara dan Hungary ke negara Balkan dapat menyumbang ke arah kerjasama bagi faedah bersama kedua-dua negara, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, minat Hungary untuk mengeksport dan menyertai pembangunan ekonomi Asia Tenggara boleh dilaksanakan menerusi Malaysia sebagai pintu masuk ke rantau itu.

Rancangan Malaysia untuk menyertai program pembangunan semula Bosnia-Herzegovina dapat dijayakan menerusi usaha sama dengan Hungary yang menjadi laluan penting ke Balkan selain menimba kepakaran teknologi dan kemahiran tenaga manusia negara ini.

"Malaysia ditawarkan banyak projek di Bosnia, terutama dalam pembinaan lapangan terbang, komunikasi dan pengangkutan," katanya pada sidang akhbar bersama rakan sejawatannya dari Hungary, Gyula Horn selepas perbincangan selama 90 minit.

Dr Mahathir, yang kini bercuti selama dua bulan, tiba di sini dari London semalam untuk lawatan dua hari.

Hungary, yang mempunyai sumber tenaga pakar tetapi menghadapi masalah inflasi dan pengangguran berhasrat mengukuhkan ekonominya menerusi hubungan strategik dengan Malaysia serta meraih pasaran baru meningkat di Asia Tenggara.

Mengenai peluang di Bosnia ini, Perdana Menteri berkata, walaupun Malaysia belum mengikat kontrak mengenainya tetapi menerusi projek itu, Malaysia boleh bekerjasama dengan Hungary kerana kedudukannya berhampiran dengan rantau itu selain kemahiran tenaga kerjanya.

"Pada masa ini, aspek pembiayaan projek itu sedang diteliti," katanya.

Sebelum itu, Dr Mahathir menyaksikan majlis menandatangani Memorandum Hasrat untuk kerjasama bersama antara Koridor Raya Multimedia (MSC) Malaysia dan Infopark, program teknologi maklumat Hungary.

"Saya berharap kerjasama ini dapat melahirkan minat meluas daripada kalangan syarikat multimedia dan juga membantu kedua-dua negara dalam bidang ini pada masa hadapan," katanya.

Jumlah pemenang hadiah nobel dari Hungary dalam bidang kimia, fisiologi, fizik dan perubatan sejak 1905 tidak seimbang dengan jumlah penduduk negara itu yang kini lebih sedikit daripada 10 juta orang.

Malaysia kini meninjau sumber ahli sains dan tenaga mahir yang boleh ditawarkan Hungary untuk mengadakan program usaha sama dan usaha perkongsian teknologi dalam pembinaan infrastruktur selain bidang teknologi maklumat. - Bernama

(END)